



## KENYATAAN / SIARAN AKHBAR

Untuk maklumat lanjut sila hubungi:  
Bahagian Komunikasi Korporat  
Perbadanan Putrajaya  
Tel: 03-88877033 Faks: 03-88811008

### PPj GIAT LAKSANA PEMBERSIHAN DAN KEMPEN ELAK PEMBAZIRAN MAKANAN DI BAZAR RAMADAN

**PUTRAJAYA, 20 Mac 2024** – Perbadanan Putrajaya (PPj) bukan sahaja menekankan aspek kebersihan dan keselamatan makanan di Bazar Ramadan Putrajaya tetapi juga memastikan kawasan tapak jualan tersebut terpelihara dengan melaksanakan kerja-kerja pembersihan harian serta menyediakan tempat pembuangan yang teratur dan sistematik bagi sisa makanan daripada para peniaga dan pengunjung.

Antara skop pembersihan harian yang dijalankan adalah sedutan sisa cecair lebihan dari peniaga, selain pungutan sampah, kerja-kerja *flushing* (bilas) tapak bazar, semburan pencegahan kawalan lalat dan pemeriksaan dan pemantauan kebersihan gerai makanan. PPj turut menghebahkan video kerja-kerja pembersihan tersebut bagi tujuan memberi kesedaran kepada para peniaga dan pembeli agar bersama-sama dalam mengelakkan pembaziran makanan, sekali gus menggalakkan mereka untuk merancang kuantiti jualan serta pembelian makanan.

PPj juga giat menjalankan kempen bagi menyelamatkan lebihan makanan yang tidak terjual dari terbuang dan juga mengurangkan pembaziran makanan di Bazar Ramadan Putrajaya menerusi kempen My Save Food @RamadanPutrajaya2024. Dalam usaha ini PPj menjalin kerjasama erat dengan SWCorp, Alam Flora Sdn Bhd dan NGO dalam mengadakan pelbagai program dan kempen ke arah usaha pengurangan pembaziran makanan terutamanya di bulan Ramadan ini. Antaranya taklimat kepada para peniaga bazar di seluruh Putrajaya berkaitan *Value Food No Waste* sebagai amalan sepanjang pengoperasian bazar, dua (2) sesi *pocket talk* berkenaan “Elakkan Pembaziran

Makanan” di Pentas Utama FRP2024, kempen atau penyampaian info berkaitan ‘Elakkan Pembaziran Makanan” di *banner* dan *bunting* sekitar seluruh tapak bazar yang beroperasi di Putrajaya, program *live* di TikTok “30 Minit Tanpa Bag Plastik & Elakkan Pembaziran Makanan” di tapak bazar sebagai promosi kepada pengunjung dan peniaga di bazar dan kempen bersama SWCorp Value Food No Waste dan Infaq Pakaian Raya Terpakai@Bazar Presint 3.

Selain itu, PPj turut menyaran dan menggalakkan para peniaga memberi diskaun harga bermula jam 7.00 petang setiap hari kepada pembeli untuk membantu mengurangkan pembaziran. Usaha menyelamatkan lebihan makanan ini akan dipergiatkan dengan kerjasama sukarelawan daripada Pertubuhan Pemuda GEMA Malaysia yang akan menyelaras pengumpulan lebihan makan daripada peniaga bazar untuk diagihkan kepada golongan yang memerlukan.



(TPr. NORZITA BINTI ABDUL RAZAK)  
Pengarah  
**Bahagian Komunikasi Korporat**  
b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya  
Tarikh: 20 Mac 2024

---

Keterangan lanjut berhubung siaran media ini, sila hubungi Pegawai Media PPj, Encik Mohamad Rohaizat bin Kasman di talian 017-3132590 dan Puan Haryani binti Kaulan di talian 019-3831564